

27/08/1997

Dialog tahunan Malaysia-Brunei

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dan Brunei bersetuju menjadikan pertemuan antara ketua kerajaan kedua-dua negara sebagai acara tahunan, mulai tahun ini.

Cadangan yang dikemukakan oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah itu dipersetujui dalam mesyuarat delegasi Malaysia-Brunei di Jabatan Perdana Menteri di sini. Delegasi Malaysia diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberitahu pemberita selepas mesyuarat berkenaan, kedua-dua pemimpin mengakui kebaikan dan manfaat pertemuan seumpama itu, dengan Malaysia dan Brunei saling bergilir menjadi tuan rumah.

"Mereka mahu hubungan sedia ada dikukuhkan lagi dengan menjadikan pertemuan seperti di Kuala Lumpur ini sebagai acara tahunan pada peringkat kepimpinan.

"Kedua-dua pemimpin bersetuju perkara berkaitan dasar pada peringkat makro diputuskan dalam mesyuarat peringkat pemimpin, manakala perkara membabitkan perbincangan lebih mendalam dan teknikal dijalankan mengikut saluran seperti biasa," katanya.

Selain Abdullah, delegasi Malaysia turut dianggotai Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; dan Menteri Pertanian, Datuk Dr Sulaiman Daud selaku menteri pengiring.

Delegasi Brunei yang diketuai Sultan Hassanal Bolkiah terdiri daripada Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Datuk Seri Setia Awang Abul Rahman Mohd Taib; dan Pesuruhjaya Tinggi Brunei ke Malaysia, Pengiran Mohd Yusof Abdul Rahim.

(END)